

**KAJIAN PERANAN AGENSI KERAJAAN DAN
AMALAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
OLEH PENGUSAHA INDUSTRI
RUMPAI LAUT DI SABAH**



SITI RAHMA BINTI MALUSIRANG

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN
PERAKAUNAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2015**

**KAJIAN PERANAN AGENSI KERAJAAN DAN
AMALAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
OLEH PENGUSAHA INDUSTRI
RUMPAI LAUT DI SABAH**

SITI RAHMA BINTI MALUSIRANG

**TESIS DIHANTAR BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK IJAZAH SARJANA PERNIAGAAN**

**FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN
PERAKAUNAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2015**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS


JUDUL: KAJIAN PERANAN AGENSI KERAJAAN DAN AMALAN PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA OLEH PENGUSAHA INDUSTRI RUMPAI LAUT DI
SABAH

IJAZAH: SARJANA PERNIAGAAN

Saya SITI RAHMA BINTI MALUSIRANG, Sesi Pengajian 2009-2015, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.

4. Sila tandakan (/)



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/ TIDAK TERHAD

Disahkan oleh,

(Tandatangan Penulis)

(Tandatangan Pustakawan)

Alamat Tetap:

Tarikh: 20 Ogos 2015

(PROF. MADYA DR. ARSIAH BAHRON)
Penyelia

PENAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

20 OGOS 2015

Siti Rahma Binti Malusirang
PE2009-8043



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **SITI RAHMA BINTI MALUSIRANG**
NO. MATRIK : **PE2009-8043**
TAJUK : **KAJIAN PERANAN AGENSI KERAJAAN DAN
AMALAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
OLEH PENGUSAHA INDUSTRI RUMPAI LAUT DI
SABAH**
IJAZAH : **SARJANA PERNIAGAAN**
TARIKH VIVA : **23 JUN 2015**

DISAHKAN OLEH

1. PENYELIA UTAMA

Prof. Madya Dr. Hjh. Arsiah Hj. Bahron

Tandatangan

2. PENYELIA BERSAMA

Prof. Madya Dr. Suhaimi Md. Yasir

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, pertama sekali, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana limpah kurniaNya yang membuka ruang dan peluang untuk saya menjalankan kajian ini. Seterusnya, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Hjh. Arsiah Hj. Bahron, pensyarah di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah, kerana bersabar dalam membimbing, menasihati dan menyelia saya sepanjang pengajian ini. Galakan dan motivasi beliau yang berterusan, memberikan saya dorongan untuk melengkapkan kajian ini. Tidak dilupakan juga penyelia bersama, Prof. Madya Dr. Suhaimi Md. Yasir yang sentiasa memberikan maklumat semasa dan terkini berkaitan kajian yang saya jalankan.

Dalam pada mengharungi hari-hari sepanjang pengajian, saya amat terharu dan berbesar hati dengan pengorbanan yang ditunjukkan, terutama sekali oleh ibu bapa, ibu dan bapa mertua, adik-beradik termasuk ipar dan biras, dan keluarga yang memahami. Tidak dilupakan kawan-kawan, rakan-rakan penyelidik bagi Projek Penyelidikan Mini Estet Rumpai Laut, kluster perniagaan dan ekonomi di bawah NKEA EPP#3, Dekan dan kakitangan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan; juga Pengarah dan kakitangan Institut Penyelidikan Marin Borneo; Dekan dan kakitangan Pusat Pengajian Pascasiswazah, Universiti Malaysia Sabah. Penghargaan ini juga ditujukan khas buat Prof. Dr. Ridzwan Abdul Rahman dan Encik Ramlan Ali @ Ally, jutaan terima kasih diucapkan, "*sejambak ilmu kukalungkan agar dapat membuahakan rasa bangga dihati kaliar!*".

Akhirnya, penghargaan yang tidak terhingga kepada suami dan anak saya yang bersama berkorban menyelusuri perjalanan ini tanpa berputus asa dan terimalah buah tangan ini sebagai tanda terima kasih. *Love you both till jannah!*

Siti Rahma Binti Malusirang

23 Jun 2015

ABSTRAK

Industri rumpai laut di Sabah telah dijalankan selama lebih daripada tiga puluh tahun, namun masih terdapat kekurangan dari segi pengeluaran rumpai laut kering. Walaupun pengusaha terlibat secara aktif, namun mereka menghadapi masalah untuk kekal di dalam industri dan ia dikaitkan dengan pusing ganti pekerja. Terdapat dua isu utama yang dikenal pasti, (i) perancangan dan pemantauan aktiviti di peringkat makro, dan (ii) amalan pengurusan sumber manusia oleh pengusaha. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti peranan yang dimainkan oleh agensi kerajaan yang berkaitan; dan juga amalan pengurusan sumber manusia yang digunakan oleh pengusaha, seperti perancangan, perekrutan, latihan, penilaian dan pemberian pampasan. Daripada kajian ini, dijangka dapat mengetahui penambahbaikan yang sesuai dan boleh dilaksanakan terhadap peranan yang dimainkan oleh pembuat dasar dan amalan pengurusan sumber manusia dalam memastikan ini terus mampan.

Kata kunci: pengurusan industri rumpai laut, rumpai laut, pengurusan sumber manusia, amalan pengurusan sumber manusia

ABSTRACT

TO STUDY ROLES OF GOVERNMENT AGENCIES AND HUMAN RESOURCE MANAGEMENT PRACTICES OF ENTREPRENEURS IN SEAWED INDUSTRY IN SABAH

Seaweed industry in Sabah has been established for more than thirty years, yet it is still lacking in terms of seaweed production. Even though entrepreneurs are actively involved in seaweed culture, they are facing a problem to sustain in the industry due to workers turn over. There are two main issues were identified, (i) planning and monitoring of activities at macro level, and (ii) human resource management practices of the entrepreneurs. Hence, the study is conducted to identify the roles played by the related agencies; and also the human resource management practices adopted by the entrepreneurs, such as planning, recruiting, training, appraising and compensation. From the study, it is expected to find out a significant and feasible improvement to the roles played by the policy makers and human resource management practices in assuring the sustainability of the seaweed industry.

Senarai Kandungan

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYELIA	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI GRAF DAN RAJAH	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan Kajian	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Persoalan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Skop Kajian	8
1.6 Signifikan Kajian	10
1.7 Definisi Konsep	10
1.8 Penutup	13
BAB 2: SOROTAN LITERATUR	
2.0 Pengenalan Kepada Rumpai Laut	14
2.1 Status Pengeluaran Rumpai Laut Dunia	15

2.2	Peranan Agensi Kerajaan dalam Membangunkan Industri Rumpai Laut di Eropah, Amerika Latin, Kepulauan Pasifik, dan Asia Tenggara	19
2.2.1	Eropah dan Amerika Latin	20
2.2.2	Kepulauan Pasifik	21
2.2.3	Asia Tenggara	25
2.3	Pengurusan Industri Rumpai Laut di Malaysia	29
2.4	Penilaian Peranan Agensi atau Jabatan Kerajaan dalam Mengurus dan Memantau Industri Rumpai Laut	34
2.5	Penglibatan Pengusaha Komersil dalam Industri Rumpai Laut di Sabah	37
2.6	Pengurusan Sumber Manusia dalam Industri Rumpai Laut	40
2.7	Definisi Konsep	44
2.7.1	Pengurusan Industri Rumpai Laut	44
2.7.2	Pengurusan Sumber Manusia	44
2.8	Penutup	49
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		
3.0	Pengenalan	51
3.1	Rekabentuk Kajian	51
3.2	Lokasi Kajian	54
3.3	Pengumpulan Data	55
3.4	Instrumen Kajian	57
3.5	Analisis Data	58
3.6	Responden Kajian	59
3.7	Penutup	64
BAB 4: KEPUTUSAN KAJIAN		
4.0	Pengenalan	65
4.1	Profil Responden Kajian	66
4.2	Hasil Dapatan Kajian	68

4.2.1	Analisis Matriks Kod Dokumen Primer (CPD)	69
4.2.2	Peranan Agensi Kerajaan	71
	a. Prasarana	71
	b. Kursus dan Latihan	72
	c. Khidmat Nasihat	73
	d. Pemasaran	74
	e. Penyelidikan dan Pembangunan	77
	f. Penguatkuasaan	78
4.2.3	Amalan Pengurusan Sumber Manusia	82
	a. Perancangan	83
	b. Perekrutan	84
	c. Latihan	86
	d. Penilaian	87
	e. Pembayaran Upah / Pampasan	89
4.3	Kesimpulan	91
BAB 5: PERBINCANGAN DAN CADANGAN		
5.0	Pengenalan	92
5.1	Perbincangan Hasil Dapatan	92
	5.1.1 Peranan Agensi Kerajaan dan Penilaian	93
	5.1.2 Amalan Pengurusan Sumber Manusia oleh Pengusaha	99
5.2	Kesimpulan dan Cadangan Penambahbaikan	100
5.3	Limitasi Kajian dan Cadangan Kajian Masa Depan	103
	RUJUKAN	106
	LAMPIRAN	115

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Anggaran pengeluaran rumpai laut kering, jumlah pengkultur komersil dan separa-komersil, luas kawasan penanaman dan harga rumpai laut kering bagi sekilogram, di Semporna dari tahun 2008 hingga 2013	5
Jadual 2.1	Spesifikasi rumpai laut kering mengikut standard antarabangsa selaras dengan keperluan industri	18
Jadual 3.1	Paradigma kajian dan elemen	53
Jadual 3.2	Senarai responden agensi yang dikenalpasti terlibat dalam industri rumpai laut	60
Jadual 3.3	Senarai responden syarikat yang dikenalpasti	61
Jadual 3.4	Ringkasan butiran responden yang ditemubual mengikut status dan latar belakang	62
Jadual 4. 1	Senarai responden yang dikeluarkan daripada proses penganalisaan dapatan kajian	67
Jadual 4.2	Kod yang digunakan bagi setiap responden yang ditemubual	67
Jadual 4.3	Ringkasan profil responden kajian	68
Jadual 4.4	Nilai tapisan tujuh kod utama menggunakan analisis kod dokumen primer (CPD)	69
Jadual 4.5	Nilai tapisan lima kod amalan pengurusan sumber manusia menggunakan analisis kod dokumen primer (CPD)	82
Jadual 4.6	Amalan pengurusan sumber manusia yang digunakan oleh responden P12, P13, P14 dan P15	82

SENARAI GRAF DAN RAJAH


		Halaman
Graf 1.1	Graf bar menunjukkan anggaran jumlah pengeluaran rumpai laut kering dan luas kawasan pengkulturan, manakala carta aliran menunjukkan harga rumpai laut kering, di Sabah dari tahun 2008 hingga 2013	4
Rajah 3.1	Gambaran bawang menunjukkan proses penyelidikan	53



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

		Halaman
LAMPIRAN A	Contoh transkrip temubual, catatan nota, laporan kerja lapangan dan perbincangan kumpulan sasaran	115
LAMPIRAN B	Prosiding seminar dan simposium	145
LAMPIRAN C	Analisis rujuk-silang rangkaian menggunakan ATLAS.ti versi 7	149



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan Kajian

Industri rumpai laut di Semporna, Sabah telah wujud lebih daripada tiga puluh tahun lalu. Menyedari potensi industri rumpai laut pada masa akan datang, perancangan dan pemantauan aktiviti pengkulturan pada peringkat makro amat perlu. Tambahan pula, kesan perkembangan industri dan peluang ekonomi yang positif telah menarik minat pengusaha lain untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti pengkulturan ini. Namun demikian, didapati bahawa pengkultur kecil dilihat mampu bertahan berbanding dengan pengkultur komersil, dan ia dipercayai akibat kadar pusing ganti pekerja yang tinggi (Alin, 2011). Justeru, peranan agensi kerajaan akan dikaji berdasarkan enam kata kunci, iaitu prasarana, kursus dan latihan, khidmat nasihat, pemasaran, penguatkuasaan, dan penyelidikan dan pembangunan. Sebagai tambahan, kajian terhadap amalan pengurusan sumber manusia yang digunakan oleh pengusaha turut dilakukan. Ini termasuklah amalan perancangan, perekrutan, latihan, penilaian dan pembayaran upah. Pada akhir kajian ini, persoalan kajian dan objektif akan terjawab dan cadangan penambahbaikan diberikan bagi memperbaiki pengurusan industri rumpai laut di Sabah.

1.1 Latar Belakang Kajian

Rumpai laut secara asasnya boleh didapati di negeri seperti Terengganu, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Sabah (Ahmad, 1995). Arman (1988) pula membincangkan bahawa Sabah dan Sarawak merupakan negeri di timur Malaysia yang mempunyai potensi untuk pengkulturan rumpai laut. Percubaan untuk mengkultur rumpai laut jenis *Gracilaria* di Jelutong,

Pahang, dan Kedah untuk tujuan komersil tidak berjaya memandangkan kos operasi dan hasil yang dikeluarkan menunjukkan bahawa ladang ini tidak sesuai untuk industri (Ramli, 1989). Walau bagaimanapun, menurut Ahemad, Mohamad Raduan dan Ismail (2006), Sabah merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang sesuai mengkultur rumpai laut jenis *Kappaphycus alvarezii* dan *Eucheuma denticulatum* untuk tujuan komersil. Justeru, kajian ini akan lebih menfokuskan kepada industri rumpai laut di Sabah, khususnya di Semporna.

Pada awal pengenalan, industri ini hanya menumpu kepada objektif perluasan kawasan dan menambahkan bilangan pengkultur rumpai laut (IPMB, 2006). Pelaksanaan dan pengurusan industri secara dasarnya pada masa itu dipelopori oleh Jabatan Perikanan Sabah (JPS) (Ahemad *et. al.*, 2006). Aktiviti pengkulturan rumpai laut juga tidak mendapat sambutan yang baik di kalangan penduduk tempatan ditambah dengan harga pasaran yang rendah. Selain itu, aktiviti ini juga hanya aktif dijalankan oleh pendatang asing daripada Filipina yang tinggal di sekitar perairan Semporna. Namun, bermula tahun 1989, terdapat perubahan dari segi hasil pengeluaran rumpai laut yang meningkat sehingga 10.35 tan metrik (Ahemad *et. al.*, 2006) dan rumpai laut menjadi salah satu aktiviti akuakultur yang penting di Sabah.


Jumlah pengeluaran rumpai laut kering di Malaysia merangkumi hasil keluaran daripada sekitar perairan Semporna termasuk Pulau Mengalum, Kudat, Lahad Datu, Kunak, Tuaran-Kota Belud (Alin dan Datu Razali, 2011) dan terkini di Tawau. Daripada keseluruhan pengeluaran rumpai laut kering pada tahun 2007, 78 peratus hasil pengeluaran adalah dari Semporna. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh FAO (2009), Filipina dan Indonesia merupakan penyumbang terbesar jumlah pengeluaran rumpai laut kering jenis *K.alvarezii* dan *E.denticulatum*. Alin dan Datu Razali (2011) melaporkan bahawa Malaysia pernah menjadi pengeluar rumpai laut kering jenis *k.alvarezii*, yang ketiga terbesar di dunia selepas Indonesia dan Filipina. Terdapat dua perkara yang dilihat berkait secara langsung kepada perkembangan industri ini, iaitu aktiviti pengkulturan

rumpai laut dan pengeluaran. Hal ini pernah dibincangkan oleh Ahemad *et. al.* (2006), di mana mereka berpendapat bahawa pengkulturan rumpai laut dan pengeluaran telah berlaku dan berkembang pada kadar yang sederhana.

Berdasarkan rekod pengeluaran rumpai laut kering pada tahun 2003, Malaysia mengeluarkan kurang daripada 8,000 tan setahun berbanding negara jiran Filipina sebanyak 90,000 tan setahun dan Indonesia sebanyak 15,000 tan setahun lebih banyak daripada Malaysia (IPMB, 2003). Pada tahun 2005 pula, Malaysia hanya mengeluarkan dua peratus daripada jumlah keseluruhan rumpai laut kering dunia seperti yang dilaporkan oleh Alin dan Datu Razali (2011). Tambahan pula, baki dagangan industri rumpai laut menunjukkan defisit kerana Malaysia lebih banyak mengimport rumpai laut kering berbanding nilai eksport negara dan Ahemad *et. al.* (2006) turut melaporkan perkara ini. Jumlah import yang tinggi ini adalah bagi menampung keperluan kilang memproses rumpai laut di Sabah yang berkeupayaan untuk memproses 10,000 tan metrik setahun. Pihak pengusaha kilang terpaksa mengimport rumpai laut kering dari Filipina dan Indonesia bagi memastikan keberterusan operasi kilang mereka (IPMB, 2003).

Dalam pada itu, hanya 800 hektar kawasan yang dimanfaatkan untuk mengkultur rumpai laut. Sebaliknya dalam program Zon Industri Akuakultur (ZIA), seluas 5,600 hektar kawasan perairan Semporna telah dikenalpasti sesuai untuk aktiviti pengkulturan rumpai laut (JPS, 2009). Selain itu, JPS menambah lagi 24,000 hektar kawasan perairan Sabah yang berpotensi untuk pengkulturan rumpai laut. Dengan keluasan ini, Sabah dianggarkan mampu mengeluarkan hasil rumpai laut kering sebanyak 125,000 tan metrik dengan nilai berjumlah RM 24 juta pada tahun 2010 (JPS, 2009). Ironinya, menurut laporan yang dikeluarkan oleh akhbar Utusan Malaysia (2011), jumlah pengeluaran rumpai laut kering negara pada tahun 2010 hanya sebanyak 20,000 tan metrik. Ini menunjukkan industri rumpai laut di Sabah khasnya dan Malaysia amnya masih belum diterokai sepenuhnya terutama dari segi usaha meningkatkan jumlah pengeluaran dengan mengeksploitasi sepenuhnya kawasan berpotensi.

Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh JPS, jumlah pengeluaran rumpai laut kering negara dari tahun 2008 sehingga 2012 dianggarkan sebanyak 102,887.96 tan metrik. Jumlah pengeluaran ini meliputi kawasan perairan Semporna, Banggi, Lahad Datu, Kunak, dan Tawau. Daripada data tersebut didapati berlaku peningkatan dalam pengeluaran rumpai laut kering negara dan tahun 2012 mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu 33,147 tan metrik dengan jumlah pengkultor seramai 1258, di mana 220 daripadanya adalah pengkultor berskala komersil, 978 merupakan separa-komersil dan seramai 60 orang merupakan pengkultor individu. Ringkasan mengenai pengeluaran rumpai laut kering Malaysia, atau lebih tepat lagi di Sabah, ada ditunjukkan dalam Graf 1.1.



Graf 1.1 : Graf bar menunjukkan anggaran jumlah pengeluaran rumpai laut kering dan luas kawasan pengkulturan, manakala carta aliran menunjukkan harga rumpai laut kering bagi sekilogram, di Sabah, dari tahun 2008 sehingga 2013.

Sumber : Jabatan Perikanan Sabah, 2013

Daripada jumlah keseluruhan pengeluaran rumpai laut kering Sabah, 85 peratus daripadanya adalah dikeluarkan oleh daerah Semporna. Jadual 1.1 menunjukkan anggaran jumlah pengeluaran rumpai laut kering bagi daerah Semporna mengikut tahun, bermula dari tahun 2008 sehingga 2012. Jumlah pengkultor, sama ada secara komersil atau separa-komersil, luas kawasan

penanaman dan harga rumpai laut kering juga disenaraikan mengikut tahun tersebut. Bagi data mengenai harga untuk tahun 2011 dan 2012, ia ditunjukkan dalam bentuk purata memandangkan terdapatnya perubahan harga bagi tahun tersebut. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada JPS, untuk tempoh Disember 2011 sahaja, didapati pengkultor komersil hanya mengeluarkan sebanyak 248.6 tan metrik berbanding pengkultor individu dan separa-komersil, iaitu 20,534.4 tan metrik.

Jadual 1.1: Anggaran pengeluaran rumpai laut kering, jumlah pengkultor komersil dan separa-komersil, luas kawasan penanaman dan harga rumpai laut kering bagi sekilogram, di Semporna, dari tahun 2008 sehingga 2013

Tahun	Pengeluaran kering (tan)	Jumlah pengkultor		Luas kawasan (ekar)	Harga (RM)
		Komersil	Separakomersil		
2008	10,574.4	511	0	15,415	4.00
2009	13,503.1	576	0	15,000	2.50
2010	17,185.9	79	575	16,800	3.00
2011	20,783.0	8	645	19,339	2.80*
2012	33,147.0	10	693	28,758	2.20*
2013	26,943.10	15	-	13,194.51	-

Sumber : Jabatan Perikanan Sabah (2013) dan Unit Penyelidikan Rumpai Laut, UMS (2014)

1.2 Pernyataan Masalah

Bagi sesebuah negara pengeluar rumpai laut kering, objektif utama adalah untuk memaksimumkan pengeluaran sama ada untuk kegunaan tempatan mahupun memenuhi permintaan pasaran dunia. Data pengeluaran rumpai laut kering tempatan (Graf 1.1 dan Jadual 1.1), jelas menunjukkan bahawa negara tidak dapat

memenuhi objektif yang disasarkan, iaitu 120 ribu tan metrik untuk tahun 2010. Bagi tahun 2013 pula, kerajaan persekutuan mensasarkan pengeluaran kering berjumlah 50 ribu tan metrik bagi memenuhi petunjuk prestasi utama (KPI) jabatan. Sasaran ini merangkumi 45 peratus untuk pengeluaran kebangsaan, 54 peratus daripada estet mini, dan satu peratus daripada projek kluster Jabatan Perikanan Sabah (JPS).

Namun, sehingga Mei 2013 hasil pengeluaran rumpai laut kering negara dianggarkan berjumlah 10,239.4 tan metrik dengan nilai RM25,174.80 sahaja. Daripada jumlah ini, bagi tempoh yang sama pengeluaran kebangsaan dianggarkan 10,192 tan metrik, 47.4 tan metrik daripada projek kluster dan projek estet mini tidak mencatatkan sebarang pengeluaran rumpai laut kering. Tambahan pula data yang dikeluarkan hanya dalam bentuk anggaran sahaja dan bukannya dalam jumlah yang sebenar. Hal ini dipercayai berlaku kerana terdapat pengkultor kecil yang menjual rumpai laut kering terus kepada peraih Filipina yang menawarkan harga lebih tinggi berbanding pasaran tempatan.

Ironinya, perbincangan bersama kumpulan sasar yang dilakukan di Semporna pada bulan Mac 2012, mendapati bahawa bukan sahaja pengkultor kecil, malahan pengkultor komersil juga menjual hasil rumpai laut kering mereka terus kepada peraih asing. Dalam masa yang sama, kerajaan melalui agensinya telah menyalurkan dana yang banyak bagi memastikan industri ini mampan. Pada tahun 1999, kerajaan menyalurkan dana sebanyak lebih kurang RM4.6 juta (IPMB, 2003) dan RM189.7 juta (Suhaimi, 2014) diperuntukkan untuk industri bagi tempoh masa 2009 sehingga 2020. Justeru, terdapat keraguan terhadap sejauhmana peranan agensi kerajaan dalam merancang dan merangka program pemantauan industri rumpai laut tempatan.

Selain itu, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Lim, Mail dan Jaidi (2013) mendapati industri tempatan menghadapi risiko kekurangan pengkultor, di

mana anggaran jumlah pengkultor kecil hanya seramai 5000 orang. Tambahan pula, aktiviti pengkulturan berskala kecil didapati lebih mampan berbanding dengan yang berskala besar walaupun mempunyai kemampuan dari segi modal. Berdasarkan perbualan lisan dengan Erick Ask (2013), beliau menyatakan bahawa pengusaha komersil memerlukan sekurangnya 40 hingga 50 peratus kadar pertumbuhan rumpai laut pada setiap hari bagi membolehkan mereka mengeluarkan hasil yang mencukupi bagi memenuhi kos operasi untuk satu pusingan.

Malahan menurut Alin dan Datu Razali (2011), pengusaha komersil ini bergantung kepada pekerja asing terutamanya dari Filipina, sama ada yang masuk secara sah mahupun tidak. Kebergantungan terhadap pekerja asing ini dipercayai berpunca daripada kurangnya minat di kalangan pekerja tempatan untuk terlibat dalam industri rumpai laut. Selain itu, pengusaha komersil ini turut berdepan dengan masalah kerenah pekerja yang lebih kompleks dan memburukkan lagi keadaan apabila pengusaha turut mengalami masalah pusing ganti di kalangan pekerja asing ini.

Justeru, kajian ini membincangkan tentang industri rumpai laut dari aspek makro dan mikro. Bagi aspek makro, pengkaji melihat kepada peranan agensi kerajaan di dalam mengurus dan memantau industri secara keseluruhannya. Hal ini disebabkan penglibatan agensi kerajaan dapat membantu mengembangkan lagi industri ini. Dari aspek mikro pula, pengkaji memilih untuk memfokuskan kepada amalan pengurusan sumber manusia yang digunakan oleh pengusaha kerana ia boleh menjadi sumber kekuatan kepada pengusaha untuk bertahan di dalam industri ini. Berdasarkan kajian lepas, ada pendapat yang mengatakan bahawa pengkultor kecil mampu bertahan lebih lama berbanding pengusaha komersil dan separa-komersil (Alin dan Datu Razali, 2011).

Tambahan pula, berdasarkan hasil perbincangan kumpulan sasar, pengkaji mendapati salah satu isu yang dihadapi oleh pengusaha ialah berkenaan dengan kesukaran untuk menarik minat penduduk tempatan bekerja di ladang mereka. Ini menyebabkan pengusaha terpaksa bergantung kepada pekerja asing sama ada yang masuk secara sah atau sebaliknya. Oleh itu, kajian ini tertumpu kepada mengenalpasti amalan pengurusan sumber manusia yang digunakan oleh pengusaha dan cadangan penambahbaikan yang sesuai dalam pengurusan sumber manusia ini dapat diberikan bagi mengatasi isu yang berkaitan.

1.3 Persoalan Kajian

Terdapat dua persoalan kajian yang dikenalpasti untuk dikaji, iaitu;

1. Apakah peranan agensi kerajaan dalam memastikan industri rumpai laut ini mampan?
2. Apakah amalan yang digunakan oleh pengusaha rumpai laut dalam mengurus sumber manusia?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi dua objektif berikut;

1. Mengkaji dan menilai peranan agensi kerajaan dalam merancang dan memantau aktiviti pada peringkat makro.
2. Menenalpasti amalan pengurusan sumber manusia yang digunakan oleh pengusaha rumpai laut seperti merancang, merekrut, melatih, menilai dan membayar pampasan atau gaji pekerja.

1.5 Skop Kajian

Kajian yang dijalankan melibatkan agensi kerajaan yang terlibat dengan industri ini sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam bidang pengurusan. Terdapat lebih kurang 11 agensi yang telah dikenalpasti dan 10 daripada agensi tersebut

berjaya ditemubual, antaranya ialah Jabatan Perikanan Sabah (JPS), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia cawangan Sabah (LKIM), Lembaga Pertubuhan Peladang Kawasan Semporna (LPPK Semporna), Institut Kajian Pembangunan (IDS), Taman-Taman Sabah, Yayasan Sabah, Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI), Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), dan Unit Penyelidikan Rumpai Laut Universiti Malaysia Sabah (UPRL UMS).

Selain itu, seorang wakil dari Unit Agropreneur di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani turut ditemubual. Agensi yang tidak dapat ditemubual adalah Penguatkuasa Pelaburan dan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDIA). Pengkaji ada menghubungi kakitangan dari SEDIA dan juga berkunjung ke pejabat mereka, tetapi kakitangan bertugas menjelaskan bahawa tidak terdapat pegawai yang bersesuaian untuk ditemubual. Kakitangan tersebut ada mencadangkan agar pengkaji menghubungi pejabat Ketua Menteri Sabah memandangkan SEDIA adalah di bawah penyeliaan Ketua Menteri sendiri. Namun, tempoh masa untuk menemubual Ketua Menteri dan kemungkinan peluang untuk menemubual adalah rendah, kakitangan tersebut menasihatkan pengkaji merujuk kepada laman sesawang untuk mendapatkan maklumat mengenai peranan SEDIA di dalam mengembangkan industri rumpai laut di Sabah.

Bagi objektif kedua, skop kajian berkisar pada pengusaha yang terlibat dalam aktiviti pengkulturan rumpai laut terutamanya di sekitar daerah Semporna. Menurut maklumat yang diterima daripada JPS, sehingga tahun 2011 terdapat lapan pengusaha yang masih aktif menjalankan aktiviti ini. Memandangkan pengkaji memerlukan lebih kurang sepuluh pengusaha yang aktif, pengkaji telah mendapatkan senarai terkini daripada Unit Penyelidikan Rumpai Laut (UPRL, UMS) yang terlibat dengan projek mini estet, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKEA). Pengkaji memerlukan sekurang-kurangnya sepuluh pengusaha kerana berdasarkan maklumat yang diperolehi terdapat peningkatan jumlah pengusaha komersil yang aktif mengkultur di Semporna sejak tahun 2009.

1.6 Signifikan Kajian

Kajian terhadap pengurusan industri rumpai laut di Sabah dijalankan bagi mendapatkan maklumat terkini dan terperinci mengenai isu yang berkaitan. Selain itu, ia turut menfokuskan kepada amalan pengurusan sumber manusia yang digunakan oleh pengusaha rumpai laut. Kedua-dua kajian ini dilakukan memandangkan rujukan yang terhad, selain melihat kepada corak pengurusan agensi kerajaan berdasarkan peranan yang dimainkan serta amalan pengurusan sumber manusia. Ia berbeza daripada kajian-kajian sebelum ini yang lebih tertumpu kepada bidang biologi dan persekitaran rumpai laut serta bidang ekonomi tetapi kurang kajian terhadap pengurusan seperti yang penyelidik kaji terutamanya berkaitan dengan industri tempatan.

Selain itu, dari segi nilai industri, kajian ini dapat membantu para pembuat keputusan dalam merangka dasar berkaitan bagi meningkatkan lagi sumbangan industri ini melalui cadangan penambahbaikan yang bersesuaian. Selain itu, ia juga membantu pihak agensi dalam menetapkan objektif sebelum menyalurkan dan untuk sesuatu projek atau program berkaitan industri rumpai laut. Dengan kata lain, kajian ini dapat memberikan alternatif kepada penyelesaian masalah yang dihadapi oleh pemain utama atau pihak berkepentingan di dalam industri. Sebagai tambahan, kajian ini menyumbang kepada pengetahuan tentang pelaksanaan triangulasi data pada dapatan kajian kualitatif dengan menambah data baharu menggunakan perisian ATLAS.ti versi 7.

1.7 Definisi Konsep

Terdapat beberapa konsep utama yang perlu dihuraikan dalam kajian ini, iaitu;

1.7.1 Pengurusan industri rumpai laut

Pengurusan industri rumpai laut meliputi aktiviti-aktiviti dalam membuat keputusan sama ada dilakukan secara tradisional, sederhana atau intensif dengan melibatkan faktor sumber, harga, lokasi pengangkutan, dan sumber manusia. Seterusnya elemen tambahan seperti pemasaran, aktiviti hiliran, penentuan undang-undang